

BERITA HARIAN

DATE: 15 / 02 / 2008

Pak Lah yakin Barisan mampu tawan Kelantan

Tahap sokongan pemimpin Umno, BN jadi pengukur utama



Oleh Norfatimah Ahmad, Saufi Hamzah dan Jalal Ali Rahim

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin Barisan Nasional (BN) dapat menewaskan pembangkang dan merampas semula Kelantan pada Pilihan Raya Umum Ke-12 yang akan berlangsung, 8 Mac ini.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN membayangkan BN mempunyai harapan cerah untuk mencapai kemenangan yang cemerlang di negeri berkenaan selepas 18 tahun Kelantan dikuasai pembangkang.

"Ada... ada harapan menang di Kelantan kali ini," katanya yang juga

Presiden Umno selepas mempengerusikan Mesyuarat Khas Majlis Tertinggi (MT) Umno, selama kira-kira dua jam di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Ditanya faktor yang menyebabkan beliau yakin BN dapat menawan se-

“Semua aspek yang dibentangkan dipersetujui dan tidak timbul masalah langsung di kalangan pemimpin Umno”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

BH-15/2/2008

mula Kelantan, Abdullah berkata, tahap sokongan yang semakin meningkat diterima di kalangan pemimpin Umno dan BN di negeri itu menjadi pengukur utama.

Malah, beliau berkata, persediaan Umno dalam menghadapi pilihan raya umum kali ini berjalan lancar tanpa timbul sebarang masalah.

"Semua aspek yang dibentangkan dipersetujui dan tidak timbul masalah langsung di kalangan pemimpin Umno," katanya.

Apabila ditanya apakah cabaran utama yang dijangka dihadapi BN pada pilihan raya umum kali ini, Abdullah berkata:

"Pilihan raya itu sendiri adalah cabarannya dan berikutan itu semua aspek diberi perhatian. Kita akan kendalikan semuanya (isu) secara serius sama ada besar atau kecil."

Malah, beliau berkata, BN juga sudah bersiap sedia menghadapi pembangkang tanpa sebarang masalah

dalam apa juga keadaan sepanjang kempen pilihan raya kali ini.

Mengenai kenyataan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang untuk menentang beliau di Kepala Batas, Abdullah berkata, tindakan itu menunjukkan pemimpin tertinggi pembangkang itu tidak yakin dapat menang pilihan raya umum ini.

"Kata nak pi Terengganu, tapi tau tau la ni pi tempat lain. Ertinya dia tau tak boleh menang di Terengganu, sebab tu nak lari ke tempat lain," katanya.

Abdullah juga menolak dakwaan mengenai pilihan raya yang dipercepatkan bagi mengelak bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bertanding, sebaliknya menjelaskan ia ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), sekali gus di luar bidang kuasanya

"Tak ada kena mengena dengan Anwar Ibrahim, saya tak ingat pun hal Anwar," katanya.